

## Shaer Yang Di-Pertuan: Merafak Adat Istiadat Diraja

Norhayati binti Haji Abd Karim

Faculty of Arabic Language,  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali.  
Brunei Darussalam.

[norhayati.abdkarim@unissa.edu.bn](mailto:norhayati.abdkarim@unissa.edu.bn)

Vol.2, Issue 2 | July 2019

### KATA-KATA KUNCI

Adat Istiadat Diraja,  
Diplomasi dan Residen  
British, sejarah, syair

### ABSTRAK

Adat Istiadat Diraja adalah adat Istiadat Negara. Ianya merupakan teras identiti kebudayaan negara yang menjadi lambang kepada asas keperibadian bangsa bahkan ianya juga merupakan adat turun temurun Kesultanan Brunei yang dipraktikkan mengikut kesesuaian upacara atau majlis yang dilengkapi dengan alat kebesaran diraja. Dalam artikel ini menumpukan kepada pembudayaan adat istiadat diraja yang diketengahkan di dalam Shaer yang di-Pertuan sewaktu Kerajaan Brunei di bawah naungan Residen British di dalam pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1906-1924). Karya ini meriwayatkan hubungan diplomatik antara Brunei dan *Great Britain* dalam bentuk syair yang menjelaskan mengenai persiapan dan sambutan kedatangan Kerabat Diraja British yang sedang membuat lawatan kerja ke negara-negara di bawah naungannya di Asia Tenggara termasuklah Brunei. Memandangkan hal ehwal pentadbiran negara dimonopoli oleh pihak Residen British, namun Sultan Muhammad Jamalul Alam II mampu mempraktikkan serta mengekalkan adat Istiadat Diraja di dalam pentadbiran serta majlis-majlis resmi negara seperti menerima kunjungan delegasi perwakilan *Queen of British Kingdom*. Hasil daripada penelitian secara kualitatif dengan menyandarkan beberapa dokumen iaitu laporan catatan Brunei tahun 1922 yang direkodkan oleh pihak Residen British berserta dengan bahan sejarah yang lainnya dapatlah disimpulkan bahawa sambutan yang diadakan secara resmi dan besar-besaran ke atas para rombongan luar berkenaan melambangkan keramahan dan kesantunan Kerajaan terhadap mereka yang datang ke Brunei seperti mana yang dijelaskan di dalam buku Shaer Yang di-Pertuan yang boleh dijadikan sebagai salah satu sumber premium daripada prospektif tempatan dalam usaha melistarikan dan mengkalkan adat Istiadat Diraja semasa Residen British menjadi penasihat pentadbiran Brunei.

### Pendahuluan

Shaer Yang Di-Pertuan merupakan syair Brunei yang dihasilkan oleh Ulama tempatan iaitu Abdul Razak bin Hasanuddin. Kepakaran beliau dalam bidang ilmu ugama serta ijihadnya dalam menuntut ilmu dalam dan luar negeri secara informal serta sumbangan bakti beliau kepada masyarakat dalam bidang ugama melayakkan beliau diiktiraf sebagai salah seorang ulama Brunei dan diberi gelaran Pehin

Siraja Khatib. Beliau juga dilantik oleh Kerajaan Brunei untuk menyandang beberapa jawatan antaranya Imam Masjid, Qadi Brunei, Menteri Agama dan Ahli Jawatan Mesyuarat Negara. Kreativiti beliau dalam menghasilkan karya kesusastraan dalam bentuk syair merupakan satu kelebihan yang wajar untuk diketengahkan dan dikaji memandangkan bukan semua ulama mampu menghasilkan karya syair hanya segelintir daripada mereka sahaja yang mempunyai kelebihan tersebut.

Kemahiran beliau dalam merekodkan sejarah Brunei dalam bentuk syair sangat menarik dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan sejarah yang boleh dipercayai kesahihannya dengan bersandarkan beberapa bahan dokumen seperti *Report of Brunei* serta bahan rujukan yang bersangkutan dengan peristiwa-peristiwa yang tercatat di dalam buku syair berkenaan. Dari bahan yang dikumpulkan dapatlah mengetahui perjalanan perancangan upacara serta peranan pembesar-pembesar yang terlibat termasuklah perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam mesyuarat resmi negara. Memandangkan laporan dari Barat sangat ringkas, pengkaji cuba mensepadankan bahan sejarah lainnya yang berkaitan dengan peristiwa berkenaan sepertimana yang direkodkan di dalam Shaer Yang Di-Pertuan. Dengan kesinambungan daripada bahan maklumat tersebut, tergambarlah suasana upacara Adat Istiadat Diraja semasa zaman Sultan Muhammad Jamalul Alam II. Ianya merupakan satu inisiatif kerajaan dalam memartabatkan Melayu Islam Beraja dalam tempoh pemerintahan barat dalam institusi pentadbiran Beraja. Sungguhpun Residen British merupakan penasihat Sultan dalam pentadbiran, baginda sentiasa menerapkan Adat Istiadat Diraja dalam setiap acara dan majlis yang dilengkapi dengan alat-alat kebesaran Diraja apatah lagi dalam menjalankan hubungan diplomasi bersama deligasi luar negara seperti menerima kedatangan dan kunjungan mereka ke Brunei.

Dengan memperkenalkan adat Istiadat Diraja kepada pihak luar secara tidak langsung merafak identiti bangsa Brunei itu sendiri. Adapun istilah merafak datangnya daripada perkataan Arab iaitu *rafa'* (رَفَعَ) yang membawa maksud kepada mengangkat atau memartabatkan sesuatu. Oleh itu pengkaji menggunakan 'merafak' sebagai perkataan yang sinonim dengan 'memartabatkan sesuatu' yang lebih sesuai untuk menonjolkan adat istiadat Diraja yang diamalkan di Brunei. Kemeriahan Adat Istiadat Diraja tidak akan sempurna tanpa alat kebesarannya. Ini kerana Alat Kebesaran Diraja merupakan alat warisan dan hadiah Kerajaan Melayu Kuno kepada Kerajaan Brunei yang masih digunakan oleh Kesultanan Brunei sehingga sekarang ini.

Adat Istiadat Diraja dan Alat Kebesarannya mempunyai fungsi dan simbolisme yang tertentu yang menunjukkan kepada kedaulatan dan legitimasi Kesultanan dalam Institusi Beraja selagi mana ianya tidak bercanggah dengan nilai-nilai ajaran Islam dan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Alat Kebesaran berkenaan berpunca daripada kewujudan adatnya.

Pemegang Adat Istiadat Diraja terdiri daripada Raja atau Sultan sebagai Ketua Adat Istiadat, Raja Isteri, Begawan Sultan, Suri Seri Begawan Raja, Pengiran Muda Mahkota, Pengiran Perdana Wazir dan pembesar-pembesar negara seperti Cheteria,

Menteri dan Menteri Hulubalang,<sup>1</sup> sepertimana yang terkandung di dalam Kanun Brunei mengenai pelaksanaan Adat Istiadat yang ditetapkan:

*"Ketahuilah...segala saudara yang Budiman akan adat itu yang masyhur turun-temurun, zaman berzaman...sampai sekarang itu apabila akan datang segala Raja-Raja dan Manteri memberi tanda segala rakyatnya dan menetapkan segala adat, maka sekaliannya itu terhimpun pada segala Manteri dan Pegawaiannya dan Hulubalang sekalian yang punya jabatan..."<sup>2</sup>*

### **Pengenalan ringkas mengenai buku Shaer Yang Di-Pertuan**

Buku Shaer ini diterbitkan bersempena memperingati kedatangan tahun hijrah 1400, yang dikeluarkan oleh Muzium Brunei pada tahun 1979. Ianya dihasilkan dalam bentuk monograph Jurnal Muzium. Menurut P. M Dato Shariffuddin selaku mantan Pengarah Muzium-Muzium Brunei, memuji atas usaha Yang Dimuliakan Pehin dalam menghasilkan sejarah Brunei dalam bentuk syair. Syair ini diterbitkan atas dasar intipati syair serta susunan kata-katanya indah, menarik dan sesuai untuk didendangkan. Ungkapan bait syairnya juga bukanlah pujian semata-mata akan tetapi merekodkan peristiwa sejarah yang berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam II secara terperinci berbanding daripada perisian fakta yang dilaporkan di dalam buku laporan Brunei yang ditulis oleh Residen British Brunei sendiri pada waktu itu.

Syair sejarah ini dikarang pada hari Isnin, 15 Rabiul Akhir 1340H/ 4 Disember 1920, jam 7 pagi. Bait syair ini mengandungi kira-kira 1022 rangkap dan dihasilkan dalam tulisan jawi sekaligus ditransliterasikan dalam bahasa Rumi.

Baitnya dimulakan dengan:

*Hijratan Nabi Junjongan kita  
Saribu tiga Ratus bilangan nyata*

*Empat puluh satu lagi berserta Jumlah  
hitongan segala pendeta*

*Bersamaan dengan hijratun Masehi Seribu  
sembilan ratus jauh seliseh*

*Dua puluh dua lagi di-kaseh  
Hitongan Padri yang amat fasih*

<sup>1</sup> Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang (2002). *Adat Istiadat Diraja Brunei*, Cetakan pertama, Brunei: Jabatan Adat Istiadat Negara, ms 1.

<sup>2</sup> Haji Zainuddin bin Haji Hassan, *Persejarahan Adat-Istiadat dan Alat Kebesaran Diraja: Dalam Institusi Raja dan Kesultanan Brunei*.hlm 26.

Rabiul Akhir lima belas hari  
Yau mil Isnin kalam berlari

Empat Disember sudah berdiri  
besok bukannya sari

Gutika

Diakhir dengan:

Habislah pesan dagang mengarang  
Hatamlah shaer lebih dari kurang

Wallau a'alam sempurna tarang  
dakwat sudah terlarang

Kalam dan

### Latar belakang Shaer Yang Di-Pertuan

Dari pandangan pengkaji, buku ini menfokuskan tiga watak utama iaitu Sultan Muhammad Jamalul Alam II, Residen Brunei dan Putera Mahkota Wales serta peristiwa bersejarah yang disambut dengan Adat Istiadat Diraja sepetimana yang terkandung di dalam buku berkenaan. Sebelum pengkaji merumuskan watak-watak yang dinyatakan, ada baiknya pengkaji terlebih dahulu memperkenalkan secara ringkas mengenai penulis Shaer Yang Di-Pertuan.

### Penulis buku Shaer Yang Di-Pertuan:

Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hassanuddin adalah seorang Ulama Melayu Brunei yang tersohor di Kerajaan Brunei serta di berapa mantan wilayah Brunei ketika dibawah naungan Residen British di tanah Melayu. Dilahirkan di Kg Burung Pingai Ayer pada tahun 1879 dan meninggal pada bulan November 1941 semasa berusia 62 tahun<sup>3</sup>. Beliau hidup dalam empat pemerintahan kesultanan Brunei bermula Sultan Abdul Momin (1852-1888), Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906), Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1906-1924) dan Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950).

Nama pena beliau di dalam persuratan dipanggil sebagai "Abdul Fatah" dan menghasilkan 8 buah syair iaitu:

1. Syair Yang Di-Pertuan (Melawat ke Labuan)
2. Syair Yang Di-Pertuan (Berpuspa)
3. Shaer Yang Di-Pertuan (ke Singapura) – ditulis dalam tahun 1922, diterbitkan oleh Jabatan Muzium Brunei dalam satu Penerbitan Khas sempena memperingati kedatangan Tahun Hijrah 1400

<sup>3</sup> Abdul Razak Hassanudin (1979). *Shaer Yang Di-Pertuan*. Monograp Muzium Brunei, Brunei: Muzium Brunei.

4. Syair Ahmad Tajuddin (Ditabalkan)
5. Syair Awang Alak (Sejarah Negeri Brunei)
6. Syair Pulau Berambang
7. Syair Rajang Dagang
8. Syair Rajang Berahi<sup>4</sup>

### Watak-watak utama di dalam Shaer

#### 1. Sultan Muhammad Jamalul Alam II

Baginda merupakan putera kepada Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin<sup>5</sup> dilahirkan pada tahun 1888 serta lindung pada hari Juma'at, 14 Safar 1343 / 19 September 1924<sup>6</sup>. Layuan Baginda dimakamkan di Makam Besar Diraja, Pekan Brunei (Bandar Seri Begawan).<sup>7</sup>

Baginda berkahwin dengan Raja Isteri Pengiran Anak Isteri Fatimah binti Pengiran Tua Omar Ali<sup>8</sup> serta Pengiran Isteri Tengah.

Hasil perkongsian hidup dengan kedua-dua isteri baginda, baginda dikurniakan enam orang putera dan empat orang puteri iaitu:

1. Pengiran Muda Bongsu: Diputerakan pada 18 November 1908 di Istana Majlis, Bandar Brunei. Lindung pada tahun 1910. Dimakamkan di Kubah Makam Diraja, Bandar Brunei.
2. Pengiran Muda Besar Ahmad Tajuddin: Diputerakan pada 22 Ogos 1913 di Istana Pekan, Bandar Brunei. Kemudian, dikenali sebagai Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddien. Mangkat pada 4 Jun 1950. Dimakamkan di Kubah Makam Diraja, Bandar Brunei.
3. Pengiran Muda Anum: Tidak diketahui tarikh keputeraan baginda. Lindung pada bulan September 1924. Dimakamkan di Kubah Makam Diraja, Bandar Brunei.
4. Pengiran Muda Laila Gambar: Tidak diketahui tarikh keputeraan baginda. Lindung pada

<sup>4</sup> Simat bin Angas, (et.al) (1992). *Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*. Brunei: Muzium Brunei. ms: 17-18

<sup>5</sup> Yura Halim. (2002). *Ririsej Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka. Ms: 21-24

<sup>6</sup> Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang. (2002). *Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Hlm: 35. Dan Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang. (2015). *Rampai Sejarah II: Melirik Sejarah Silam*. Pusat Sejarah Brunei. ms: 133

<sup>7</sup>Haji Zainuddin bin Haji Hassan. *Kertas Kompilasi Sultan-Sultan Brunei 1*, ms 48.

<sup>8</sup> Yura Halim. (2002). Ibid. Ms: 21-25

bulan September 1924. Dimakamkan di Kubah Makam Diraja, Bandar Brunei.

5. Pengiran Muda Tengah Omar Ali Saifuddien: Diputerakan pada 23 September 1914 di Istana Kota, Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei. Dikenali sebagai Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Maulana As-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Kemudian, dikenali sebagai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Lindung pada 7 September 1986. Dimakamkan di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

6. Pengiran Anak Besar Bagol: Tidak diketahui tarikh keputeraan baginda. Lindung sebelum 10 Mei 1945.

7. Pengiran Anak Puteri Hajah Besar: Diputerakan pada tahun 1902. Lindung pada 16 September 1993. Dimakamkan di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

8. Pengiran Anak Puteri Tengah: Diputerakan pada tahun 1910. Lindung pada 24 Ogos 1969. Dimakamkan di Kubah Makam Diraja, Bandar Brunei.

9. Pengiran Anak Puteri Damit: Diputerakan pada tahun 1911. Tidak diketahui tarikh lindung baginda.

10. Pengiran Anak Puteri Hajah Tinggal: Tidak diketahui tarikh keputerian dan tarikh lindung baginda<sup>9</sup>.

## 2. Residen British Brunei yang berkaitan di dalam Shaer Yang Di-Pertuan

Residen British pertama yang dilantik di Brunei adalah Malcolm Steward Hannibal McArthur (1872-1934) telah menyandang jawatan berkenaan pada tahun (1906-1908). Sebelum beliau dilantik sebagai Residen British, beliau dihantar ke Brunei untuk melaporkan isu yang berbangkit khususnya dalam bidang pentadbiran pada April 1904. Hasil tinjauan beliau mendapati Brunei boleh membangun serta mempunyai potensi menstabilkan ekonomi Brunei semula dengan menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit di Kerajaan Brunei dan wilayahnya pada ketika itu seperti isu pemilikan tanah Kerajaan, Kuripan dan Tulin termasuklah ketegasan beliau dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat Brunei agar berpindah dan menetap di darat berdekatan dengan ibu kota Kerajaan Brunei berbanding tinggal di perairan agar masyarakat Brunei mampu mempercambahkan hasil pencarian

rezeki bukan sahaja di laut malah di darat juga. Bukan itu sahaja bahkan menekankan dari sektor kesihatan yang terjamin bagi mengawal serta mengurangkan fenomena wabak penyakit berjangkit seperti malaria dan lain-lain lagi terdedah kepada masyarakat.

Atas keperihatinan beliau terhadap keamanan serta kesejahteraan rakyat, mampu mengawasi kepadatan penduduk Brunei dari menetap di perairan Sungai Brunei serta cuba menghalang dan membataskan kuasa James Brooke ke atas Brunei setelah berjaya mengambil Limbang dengan cara paksaan.<sup>10</sup>

Sikap Mc Arthur ini dipuji sendiri oleh penyair:

*Aman-lah negara lagi sentosa Selama di-pangku residen kuasa*

*Hukum-nya adil senantiasa Ramai  
daerah bandar dan desa*

*Masa Residen memangku bandar Kesana kemari  
mashor-lah habar*

*Mufakat mashuarat tiadalah gubar Ikhtiar bichara  
sama segimbar*

*Adapun akan residen tuan Sangat baik fiel  
kelakuan*

*Tagor sapa sangat dermawan Halus  
manis tiada berlawan*

*Selama Residen memangku bandar Negeri Brunei  
sangat muktabar<sup>11</sup>*

Selain beliau ada beberapa orang pegawai dari Great Britain menjawat jawatan sebagai Residen British Brunei iaitu seperti berikut:

2. John Fortescue Owen (1908-1909)

3. Harvey Chevallier (1909-1913)

4. Francis William Douglas (1913-1915)

5. Ernest Barton Maundrell (1915-1916)

6. Geoffrey Edmund Cator (1916-1921)

7. Lucien Allen Arthur (1921-1923)<sup>12</sup>

## 3. Putera Mahkota Wales (*Prince of Wales*)

<sup>10</sup> A.V.M Horton, *British Administration in Brunei 1906-1959, Modern Asian Studies*, Vol 20, No 2 (1986), Cambridge University Press, ms: 357-358

<sup>11</sup> Abdul Razak bin Hassanudin, ibid, ms: 199-201

<sup>12</sup> [https://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of Administrators\\_of\\_British\\_Brunei](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of Administrators_of_British_Brunei)

<sup>9</sup>

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan\\_Muhammad\\_Jamalul\\_Alam\\_II](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Muhammad_Jamalul_Alam_II) (10 Februari 2019 Jam10.38pm)

Baginda merupakan perwakilan Queen of British Kingdom yang mengadakan lawatan kerja selama 8 bulan bermula pada tahun 1921-1922 sebagai lawatan resmi baginda di bawah penaklukan Kerajaan British. Beliau ialah King Edward VIII yang ditabalkan Raja pada tahun 1936<sup>13</sup> telah melawat Singapura 1922 selama 2 hari bermula 31 Mac 1922 hingga 1 April 1922 dan mengunjungi Brunei pada 19 Mei 1922. Lawatan ini merupakan satu lawatan diplomatik yang bersejarah dan terpenting bagi Kerajaan British untuk meninjau dengan lebih komprehensif tentang sosial, politik dan pembangunan negara-negara Melayu di bawah naungan Residen British.



Lawatan Prince of Wales ke Singapura ,1922

### 3. Peristiwa bersejarah dengan penuh adat istiadat

#### (i) Lantikan pembesar negara:

Penyair ini mengolah peristiwa bersejarah bermula dengan lantikan pembesar negara di dalam Institusi Kerajaan Beraja semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam II dengan menyenaraikan nama pembesar berkenaan bersama dengan peranan dan tanggungjawab mereka secara ringkas seperti yang dijelaskan bahagian awal di dalam bait syair:

*Di-dalam Brunei sudah tertentu Wazir-nya dua bukan-nya satu*

*Demikian adat kapada waktu Jadi Undang-undang baginda ratu<sup>14</sup>*

#### (ii) Penganugerahan bintang kebesaran British KCMG kepada Sultan Muhammad Jamalul Alam II.

Penganugerahan KCMG iaitu Knight Commander of the Most Distinguished Order of St Michael and St George yang disampaikan oleh Gobenor British sebagai wakil King Edward VIII kepada Sultan

Muhammad Jamalul Alam II sepetimana yang terungkap di dalam buku Shaer Yang Di-Pertuan:

<i>Ada berapa lama antara Governor dari Singapura</i>	<i>Datanglah</i>
<i>Kapal Saville tempat-nya ketara bintang seri betara</i>	<i>Menghantar</i>
<i>Bintang kebesaran sudah tertentu keada baginda ratu</i>	<i>Di-sembahkan</i>
<i>KCMG namanya itu bintang yang numbor satu<sup>15</sup></i>	<i>Ia lah</i>

Menurut laporan yang dihasilkan oleh Residen British Brunei dalam tahun 1921, Gobenor Singapura Negeri-Negeri Selat pada masa itu dijawat oleh Sir Laurence Guillemard (1862-1951) selama 7 tahun 3 bulan bermula 17 Feb 1920- 3 Jun 1927<sup>16</sup>. Majlis penyerahan bintang KCMG diraikan di pejabat Residen British yang dilengkapi dengan alat-alat kebesaran serta dihadiri oleh para wazir, pembesar-pembesar negara serta rakyat jelata. Majlis penganugerahan ini diadakan pada sebelah petang. Bukan itu sahaja, para pembesar Brunei dikehendaki untuk menaikkan bendera khas masing-masing bagi meraikan sempena majlis penyerahan pingat berkenaan.

*Apabila Saville sudah nan datang Di sambut chukop perhiasan terbentang*

*Governor sendiri menyembahkan bintang Di dalam opis rupanya petang<sup>17</sup>*

Pengkaji tidak dapat memastikan bila sebenarnya tarikh penyerahan pingat KCMG ini yang diadakan di Brunei berkenaan kerana timbulnya perbezaan pendapat mengenai tarikh penganugerahan pingat berkenaan seperti berikut:

1. menerusi laman web sesawang Wikipedia mengenai tarikh penganugerahan Sultan Muhammad Jamalul Alam II, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan\\_Muhammad\\_Jamalul\\_Alam\\_II](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Muhammad_Jamalul_Alam_II) menyatakan bahawa baginda menerima anugerah KCMG pada 5 Jun 1920.
2. mengupas dari hasil koleksi Haji Zainuddin bin Haji Hassan didapati ianya berlaku pada 15 Jun 1918 iaitu semasa hari perpuspaan Sultan Muhammad Jamalul Alam II.

<sup>13</sup> The Brunei Times. Sunday, October 30,2016, B 3 serta <http://bruneiresources.blogspot.com/2016/10/british-royal-visits-to-brunei.html?m=1>.

<sup>14</sup> Abdul Razak bin Hassanuddin, ibid, ms 3.

<sup>15</sup> Ibid, ms 7

<sup>16</sup> [https://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of\\_Governors\\_of\\_Singapore#Governors\\_of\\_the\\_Straits\\_Settlements\\_\(1826%E2%80%931942\)](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Governors_of_Singapore#Governors_of_the_Straits_Settlements_(1826%E2%80%931942))

<sup>17</sup> Abdul Razak bin Hassanuddin, ibid, ms 9.

3. menurut laporan tahunan Residen British Brunei yang mencatat mengenai perkembangan dan pembangunan negeri Brunei serta peristiwa-peristiwa penting yang berlaku pada tahun berkenaan, melaporkan bahawa penganugerahan berkenaan berlaku pada tahun 1921, sepetimana yang disahkan oleh L.A Allen, Residen British Brunei pada ketika itu:

#### XVII-General

***85. His Excellency the High Commissioner Sir Laurence Nunns Guillelard (K.C.B), visited the State in June and invested His Highness the Sultan with the insignia of Knight Commander of the Most Distinguished Order of St. Michael and St. George<sup>18</sup>***

Dari Shaer Yang di-Pertuan tidak menyatakan secara terperinci mengenai tarikh penganugerahan KCMG tetapi lebih menggambarkan suasana majlis penganugerahan sahaja yang dihadiri oleh rakyat jelata. Bukan itu sahaja rumah-rumah menteri dikehendaki untuk mengebarkan bendera peribadi masing-masing sebagai meraikan penganugerahan berkenaan seperti mana dalam bait syair:

*Sudah teradat di dalam negeri                          Di-                          rumah  
menteri pasang bendera*

*Siapa yang bernama sudah ketara                          Berbagai  
macham warna dan chura<sup>19</sup>*

#### (iii) Meraikan kedatangan Prince of Wales ke Singapura pada tahun 1922.

Pelbagai persiapan dibuat bagi menyambut kedatangan Putera Mahkota Wales ke Singapura setelah mendapat undangan daripada Pesuruhjaya Tinggi Residen British di Singapura dan diadakan mesyuarat rasmi di Lapau. Sultan Muhammad Jamalul Alam II dijunjung oleh Residen British untuk menghadiri mesyuarat berkenaan dan menyarankan agar menyediakan pesembah buat Putera Mahkota berkenaan serta mengumpulkan hadiah sumbangan dari Negeri Brunei bagi pertandingan yang berlangsung di Singapura sempena kedatangan Perwakilan Queen of Elizabeth. Setelah selesai menyampaikan perkara tersebut, Residen British memohon berundur diri serta memberi ruang kepada Sultan dan para pembesar membincangkan perkara berkenaan. Setelah bersurai para wazir dan pembesar memohon mengundurkan diri dengan penuh beradab dimulai oleh para Wazir sehingga ke Damong mengikut susunan pangkat dan gelaran secara tertib.

<sup>18</sup> L.A Allen (1922). **Report on the State of Brunei for the year 1921.** Malaysia: Federated Malay States Government Printing Office., Ms 8

<sup>19</sup> Abdul Razak bin Hassanuddin, ibid, ms 9

#### (iv) Pelayaran Sultan Muhammad Jamalul Alam II ke Singapura.

Semasa hari keberangkatan Sultan Muhammad Jamalul Alam II beserta rombongan berkumpul sekalian Cheteria dan Menteri di Lapau<sup>20</sup> yang diketuai oleh Pengiran Pemancha dan Pengiran Bendahara. Majlis ini juga dilengkapi dengan alat-alat kebesaran diraja seperti tumbak, benderangan, pedang tersula, kaskul dan payung berwarna hitam dan puteh.<sup>21</sup>

*Apabila sudah keesokan hari  
Menghantar berangkat Sultan bistari*

*Segala Raja-Raja Cheteria Menteri Berhimpun naik  
isi-nya negeri*

*Pengiran Pemancha Pengiran Bendahara Naik-nya  
awal pada kira-kira*

*Semayam di Lapau sudah ketara                          Menantikan  
berangkat seri betara*

*Serta chukop halat terala                                  Tumbak  
benderangan pedang tersula*

*Kaskul dan payong ada segala                          Hitam dan Puteh  
warna bernyala*

Sebelum Sultan Muhammad Jamalul Alam II berangkat ke Lapau, baginda terlebih dahulu menunaikan solat serta memakai pakaian Diraja bewarna hitam kain mastul bunga seganda, berbutangkan emas paun Belanda serta dilengkapi dengan keris kerajaan. Sepanjang menuju ke Lapau, Baginda diiringi dengan kelengkapan Alat Kebesaran Diraja seperti Tumbak Tunggal, Pedang Bersarung Emas, Puan serta Payung Diraja bewarna kuning berumbai pudi dengan mutiara<sup>22</sup> serta Bintang

<sup>20</sup>Pada Bulan Disember 1915 sebuah Lapau baru yang bertiang batu telah dibangun bersebelahan dengan tapak Lapau Lama dan telah digunakan pada waktu itu juga. Di atas usaha itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Muhammad Jamalul Alam telah mencatatkan amat menghargai usaha Kerajaan membina Lapau tersebut. – koleksi Haji Zainuddin bin Hj Hassan, Sultan Muhammad Jamalul Alam II.

<sup>21</sup> Tugas memegang payung bagi wazir pertama dipertanggungjawabkan oleh Pengeran Besar Putera Kesuma dan yang akan memayungi wazir kedua iaitu Pengiran Pemancha adalah Pengiran Apong. Begitu juga Menteri Perdana mempunyai sebuah bidar setiap seorang dengan sempurna.

<sup>22</sup> Adapaun Tumbak Tunggal diamanah kepada Pengiran Ahmad untuk membawanya, Pedang Bersarung Emas pula dipertanggungjawabkan kepada Pengiran Damit dan Pengiran Metassan membawa Puan dan Payung Diraja ditugaskan kepada Pengiran Damit untuk memayungi Baginda dan Bintang petian yang diangkat oleh Pengiran Mujun yang ditutupi dengan kain bersulam bewarna kuning.

petian termasuklah Pedang dan Tumbak yang dibawa oleh Awang-Awang.

Bacaan doa selamat dibacakan oleh Dato Seri Maharaja Alam Pendita, Tuan Imam Kerajaan Brunei. Lalu baginda dijunjung oleh Residen British naik ke kapal Mutu 'Adil. Laungan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam dibacakan sebanyak tiga kali sebelum pelayaran dan selepasnya serta di Pulau Hambok Pasir.

Pelayaran Baginda menuju ke Singapura terpaksa merentasi beberapa kepulauan di perairan Brunei seperti Pulau Hambok Pasir, Lumut Lunting, Bukit Berambang, Kota Batu, Gua Pelambayan, Serdang, Pudak, Tanjung Semasta sebelah kanan Tanjung Berganda, Pulau Chermin, Pulau Bedukang, Ujong Sapoh, Pulau Burong, Pulau Inu, Pulau Papan, Tanjung Bendera dan Tanjung Taras. Kapal baginda juga bergerak menuju di beberapa bekas wilayah Kerajaan Brunei seperti Pulau Labuan. Di Pulau Labuan ini, baginda dan rombongan menaiki kapal yang lebih besar untuk menuju ke Miri merentasi Sungai Siantan sehingga mereka sampai ke Singapura.

(v) **Ketibaan Sultan Muhammad Jamalul Alam II**  
di Singapura.

Baginda serta beberapa Sultan di Tanah Melayu yang lainnya disambut dengan sembilan belas dasar tembakan meriam sebagai menandakan ketibaan Diraja di Singapura. Baginda bersemayam di bukit Fort Canning, yang dilengkapi dengan perhiasan mewah sehingga bilik peraduan baginda beralaskan cadar bewarna kuning. Manakala peraduan Pengiran Pemancha, Pengiran Bendahara bercadarkan bewarna putih hitam seperti mana adat istiadat diraja pada kebiasaannya.

*Jangan di-sebut tempat peraduan  
hadzir sudah ketahuan*

*Pengiran Pemancha Pengiran Bendahara Masing  
Peraduan ada ketara*

*Puteh hitam chadar di-kira  
Demikian Yang Terutama punya*

## *Serta usaha Mahraja Diraja Mengatorkan adat segala Raja2<sup>23</sup>*

(vi) Sambutan keberangkatan balik Sultan Muhammad Jamalul Alam II ke Brunei.

Baginda disambut dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Setelah kapal baginda berlabuh di jambatan dekat Kastam, bergemalah bunyi tembakan bedil dan dijunjung naik ke atas usungan yang dilengkapi dengan Alat Kebesaran Diraja.

(vii) Keberangkatan Putera Mahkota Wales ke Brunei 19 Mei 1922.

Selepas kepulangan Sultan Muhammad Jamalul Alam ke Brunei II, Baginda dan para pembesar negara telah mendapat khabar bahawa King Edward VIII, bahasrat untuk melawat Brunei selepas membuat lawatan dari Hong Kong dan dijangkakan sampai ke Brunei pada 19 Mei 1922.

Dengan penuh semangat Kerajaan Brunei dan rakyat jelata menerima berita berkenaan dan membuat persiapan besar-besaran dengan penuh adat istiadat diraja sepermintaan layaknya majlis perpuspaan sesuai dengan kedudukan Putera Mahkota Wales:

*Residen wazir dengan mufakat  
Wales datangnya dakat*

*Kerana-nya raja yang besar pangkat  
Dengan kebesaran patut di-angkat*

Begitu juga dengan bait seterusnya:

*Lalu bertitah Duli Mahkota  
wazir menteri beserta*

*Saperti berpuspa niat-nya beta  
Menyambut datang raja bertahta*

Adapun peranan Pehin Jawatan diamanahkan untuk menyesuaikan adat Istiadat Diraja dengan kehadiran Prince of Wales seperti mana yang terkandung di dalam Shaer Yang Di-Pertuan:

*Dengan usaha Pehin Jawatan  
Mengatorkan adat yang berpatutan*

*Dengan residen tampak kelihatan  
Melainkan di-ikut apa2 sebutan*

Mengikut apa yang diperkirakan di dalam buku ini menjelaskan keseluruhan suasana menyambut kedatangan Putera Mahkota Wales dengan penuh Adat Istiadat Diraja dilengkapi dengan Alat Kebesarannya seperti Tumbak, Sinipit, Pedang, Taming, Bendera, Perisai Pedang dan lain-lain lagi. Manakala perhiasan Alat Kebesaran Diraja yang lainnya dipacak di padang Lapau seperti bendera kuning bercabang dua, sandaran satu pisang-pisang, tunggal kawan, panji-panji, payung ubor-ubor, payung tiga ringkat dan payung hairam. Bukan itu

---

<sup>23</sup> Abdul Razak bin Hassanuddin, *ibid.* ms 89.

sahaja Upacara ini diiringi dengan alunan muzik Adat Istiadat Diraja seperti membuka gendang berjaga-jaga terdiri daripada Nakara, Gendang Labek, Serunai, Agung dan Chanang.

Sewaktu ketibaan Putera Mahkota Wales pada 19 Mei 1922, tembakan bedil sebanyak 12 das tembakan kedengaran menandakan ketibaan rombongan Diraja sudah sampai di perairan Sungai Brunei.

*Berdiam diri sekalian orang  
Lalai terchengang di-tengah tarang*

*Satu lusin bedil berbunyi  
gempita tiadalah sunyi* *Gagit*

Ketibaan Putera berkenaan disambut girang oleh Baginda Sultan sendiri serta Tuan Mc Arthur dan rakyat jelata di Jambatan Kastam pada jam 1 petang. Lalu Baginda dan Putera berkenaan dijunjung menaiki usungan masing-masing untuk diarak di keliling bandar menuju ke Lapau..

*Prince of Wales duli junjongan  
baginda yang kebilangan* *Serta*

*Berusonglah ia kedua-dua  
angkat orang semua* *Lalu di-*

*Di-iringkan wazir serta penggawa  
perlahan orang membawa* *Berjalan*

*Segala yang membawa perhiasan nyata  
Berjalan mengikut usongan serta*

*Prince of Wales Duli Mahkota  
kanan baginda dudok bertahta* *Di-*

*Usongan berjalan dengan sempurna  
Apabila bertembong kedainya China*

*Memasang merchun bernyala di-sana  
Membesarkan kedua raja yang gana*

*Berjalan usongan berlari-lari  
Tuan2 puteh kanan kiri*

*Panoh sasak padang haluan  
Tempat manusia hadzir berhimpun*

*Mengiringkan usongan bersusun-susun  
genderang bunyi mengalun* *Agong*

*Apabila sampai di-pintu lawang  
usongan pula sekarang* *Berhenti*

*Baginda berjalan tentulah garang  
Bertimbalan putera raja yang garang*

*Di-iringkan residen serta tuan2  
kedua wazir pilihan* *Serta*

*Di-tengah istana sudah ketahuan  
Raja Lalu pukol perlahan*<sup>24</sup> *Genderang*

Di Lapau King Edward VIII berbesar hati memberi ucapan terima kasih dalam bahasa Inggeris di atas sambutan kedatangan baginda ke Brunei.

***"Your Highness,***

***The Fact that I am the first member of my family  
to pay a visit to this part of the world serves to  
enhance the pleasure I feel at being your guest in  
Brunei to-day and I thank you sincerely for the  
welcome that you have extended to me on behalf of  
yourself and your people.***

***"This is not our first meeting and I greatly  
appreciate the fact that the first time a Sultan of  
Brunei has for many centuries, left the boundaries  
of State was to welcome me some six weeks ago.***

***"In expressing my sincere hope that a bright and  
happy future is in store for the people of the State  
of Brunei. I wish long life and health to its loyal  
and distinguished Ruler".<sup>25</sup>***

#### **Peranan Adat Istiadat Diraja di dalam buku Shaer Yang Di-Pertuan**

Brunei telah membuat perjanjian perlindungan dengan Great British pada 17 September 1888 atas dasar keamanan negara akan tetapi perlindungan berkenaan tidak membawa banyak perubahan perdamaian terutama yang berlaku di wilayah-wilayah Kerajaan Brunei ditambah lagi dengan salah guna kuasa James Brooke ke atas Brunei, akhirnya Brunei membuat perjanjian tambahan dengan Great Britain 1905/1906 serta tekanan *Gunboat Diplomacy* dari pihak Barat menyebabkan Brunei tiada pilihan terpaksa akur menerima Residen British dalam pentadbiran Brunei.

Kesudahan daripada perjanjian itu bermulalah era pentadbiran baru menjadi corak pentadbiran monarki Kerajaan Bersultan berubah dengan adanya sistem pentadbiran Residen British dalam pemerintahan Beraja. Dominasi kekuasaan pihak Barat dalam pentadbiran Brunei sangat jelas kerana Residen British memberikan keputusan berbanding Sultan kecuali dalam bidang berkaitan keugamaan dan adat istiadat. Oleh itu pihak istana sedaya upaya mengekalkan dan menerapkan Adat Istiadat Diraja dalam majlis-majlis kebesaran khususnya dalam bidang diplomatik seperti menerima kunjungan para deligasi asing. Ianya menunjukkan kepada keramahan dan kesantunan adat Brunei

<sup>24</sup> Abdul Razak bin Hassanuddin, ibid, ms: 187

<sup>25</sup> L.A Allen, ibid, ms 25.

memberikan penghormatan kepada mereka. Adat istiadat Diraja ini diamalkan sejak turun temurun lagi iaitu sejak Kesultanan Brunei yang pertama (Sultan Muhammad Shah) termasuklah penggunaan alat kebesarannya sesuai dengan majlis atau upacara yang diadakan.

Alat Kebesaran Diraja ini sebilangannya merupakan warisan daripada generasi Kesultanan Brunei yang lampau serta sebahagianya pula merupakan hadiah daripada Kerajaan Gergasi Kuno. Contohnya Nobat Diraja merupakan Alat Kebesaran Diraja yang tertua sekali yang diwarisi daripada Kerajaan Seriwijaya Palembang. Mengenai warisan itu ada disebutkan di dalam Salasilah Raja-Raja Brunei:

*“...segala anak cucunya, Raja-Raja yang mempunyai takhta Mahkota Kerajaan dalam kendang Daerah Negeri Berunai Darussalam yang mengambil pusaka Nobat Nakara dan Ganta Alamat dari Negeri Johor Kamalul Maqam; dan mengambil lagi pusaka Nobat Nakara dan Ganta Alamat dari Negeri Minangkabau iaitu Negeri Andalas...”<sup>26</sup>*

Ketegasan pihak Istana dalam mengekalkan adat warisan Bersultan turut diamalkan di dalam mesyuarat rasmi yang dihadiri oleh para pembesar negara. Inisiatif Kerajaan Brunei dalam mengamalkan adat Istiadat Diraja sepertimana yang digambarkan dalam buku Shaer Yang Di-Pertuan ini tidak menyulitkan perlaksanaannya.

Sebagai contoh acara yang disambut dengan penuh adat Istiadat Diraja dan diraikan dengan gilang gemilang ini menjadi perhatian dunia di atas kunjungan King Edward VIII, Perwakilan Queen of Elizabeth ke Brunei. Inilah peluang yang sesuai untuk memperkenalkan adat Brunei yang dipraktikkan dalam Institusi Beraja iaitu Adat Istiadat Diraja dengan cara yang tersendiri sebagai tanda bahawa Brunei mampu mengekalkan kedaulatan Beraja tanpa dicacatkan oleh campur tangan pihak luar.

Selain mempromosikan kebudayaan adat istiadat negara, ianya juga melibatkan kepada kesetiaan rakyat. Dengan Adat ini rakyat bersatu taat setia dan menjunjung Baginda. Mentaati perintah Sultan dan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan berdasarkan pangkat jawatan dalam bidang pentadbiran serta gelaran merupakan amanah yang wajib dipikul walaupun pentadbiran Brunei dikompromi dengan politik British. Secara tidak langsung ianya merupakan lambang keberanian dan keperkasaan jati diri bangsa Brunei.

Setiap alat kebesaran Diraja juga mempunyai fungsi dan sejarahnya yang tersendiri disamping menyerlahkan lagi keindahan disebalik adat Istiadat

itu dijalankan. Ukiran-ukiran yang dihasilkan di setiap alat kebesaran Diraja mempunyai maksud yang tersendiri yang melambangkan ciri-ciri khas adat istiadat Kerajaan Melayu serta mengandungi ciri-ciri islamik seperti mengandungi potongan ayat-ayat Al-quran yang terpilih yang diukir di atas perisai, kain sesandang dan kiap.

## Kesimpulan

Secara amnya Adat Istiadat Diraja merupakan suatu ketetapan yang disusun secara teratur dan berdisiplin tanpa merubah keasliannya yang sesuai mengikut peredaran zaman tetapi ianya bukanlah undang-undang yang wajib dilaksanakan hanya mempunyai aura yang mempengaruhi kerajaan monarki dan penduduknya untuk mengikuti maksudnya. Keindahan penyusunannya mengikut tata tertib dari segi percakapan, perbuatan dan perilaku dalam majlis terutama sekali yang berkaitan dengan kehadiran rasmi kerabat Diraja dan pembesar-pembesar menzahirkan lagi kesantunan dan keelokan adat Istiadat Diraja berkenaan. Apatah lagi adat Istiadat Diraja dipantau dengan penuh beradat dan sopan tanpa ada cacat cela atau perkara yang kurang elok berlaku sepanjang majlis atau upacara berlangsung.

Adat Istiadat Diraja ini juga boleh disesuaikan apa sahaja majlis rasmi dan upacara seperti mana yang direkodkan di dalam Shaer Yang Di-Pertuan contohnya ketika Kerajaan Brunei menjalinkan hubungan diplomasi dengan pihak luar yang melibatkan pembesar-pembesar negara dan alat kebesaran diraja di dalam mempersiapkan kunjungan Putera Mahkota Wales di Singapura dan di Brunei.

Etika keramahan dalam hubungan hal ehwal luar negeri sangat diambil kira oleh Kerajaan Brunei walaupun kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika itu sangat terbatas dalam pentadbiran, akan tetapi adat resam seperti Adat Istiadat Diraja Brunei masih dikekalkan dan dipertahankan. Pengamalan dalam melaksanakan adat istiadat berkenaan masih dijalankan seperti biasa dan diperlokkan lagi mengikut kesesuaian peredaran zaman sepertimana yang dilaksanakan seawal Kesultanan dan sebelum kehadiran Kolonial Barat datang ke Brunei tanpa merubah keasliannya.

Dengan kupasan ini dapatlah menjelaskan kepada kita bahawa penerapan adat Istiadat ini di dalam sistem pentadbiran Brunei menunjukkan kepada ketinggian serta kedaulatan bersultan itu tidak boleh diambil ringan walaupun pentadbiran didominasikan oleh keputusan daripada pihak British.

Memelihara ketinggian taraf Bersultan itu perlu dijaga sebaik mungkin kerana Brunei merupakan

<sup>26</sup> P.L.A Sweeney (1968). *Silsilah Raja-Raja Brunei*, JMBRAS, hal 11.

kerajaan tertua yang masih mengekalkan kedaulatan Beraja hasil daripada kebijaksanaan pihak Istana dalam sama-sama mengembang tenaga dan usaha memperelokkan dan memperindahkan adat istiadat diraja mengikut kesesuaian majlis dan kehadiran para kerabat diraja sebagai pemegang adat Istiadat Diraja.

Inilah gambaran umum dan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Brunei dalam mengekalkan dan merafakkan Adat Istiadat Diraja. Semangat dan usaha yang ditunjukkan ini mampu menjulang martabat maruah negara serta melestarikan identiti kebudayaan Melayu Islam Beraja.

## Rujukan

Abdul Razak Hassanudin (1979). **Shaer Yang Di-Pertuan**. Monograph Muzium Brunei, Brunei: Muzium Brunei.

-A.VM Horton, **British Administration in Brunei 1906-1959, Modern Asian Studies**. Vol 20, No 2 (1986), Cambridge University Press.

- Haji Asri bin Haji Puteh(2003). **Hukum Kanun**. Cetakan pertama. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- L.A Allen (1922). **Report on the State of Brunei for the year 1921**. Malaysia: Federated Malay States Government Printing Office.

-Mohd Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang (2002). **Adat Istiadat Diraja Brunei**. Cetakan pertama, Brunei: Jabatan Adat Istiadat Negara.

- . (2002). **Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta**. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

- . (2015). **Rampai Sejarah II: Melirik Sejarah Silam**. Pusat Sejarah Brunei.-Mohd Jamil Al-Sufri, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji. **Adat Resam Orang Brunei**. Koleksi Pengajian Brunei, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, KBru DS650.4 A954 c.4

- P.M Yusuf (1975). **Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam**. Vol 3, Brunei Darussalam: Muzium Brunei.

- P.L.A Sweeney (1968). **Silsilah Raja-Raja Brunei**, JMBRAS.

- Simat bin Angas, Suhaili bin Haji Hassan, Haji Ismail bin Ibrahim, **Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas**. (1992). Brunei: Muzium Brunei

- Yura Halim. (2002). **Ririsej Brunei Darussalam**. Dewan Bahasa dan Pustaka. ms: 22-24.

- Haji Zainuddin bin Haji Hassan, **Persejarahan Adat-Istiadat dan Alat Kebesaran Diraja: Dalam**

**Institusi Raja dan Kesultanan Brunei** (tidak diterbitkan)

-Koleksi Haji Zainuddin bin Haji Hassan,**Kertas Kompilasi Sultan-Sultan Brunei 1**, Haji Zainuddin bin Haji Hassan

- **The Brunei Times**. Sunday, October 30,2016, B 3

## Laman web sesawang

[https://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of\\_Governors\\_of\\_Singapore#Governors\\_of\\_the\\_Straits\\_Settlements\\_\(1826%E2%80%931942\)](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Governors_of_Singapore#Governors_of_the_Straits_Settlements_(1826%E2%80%931942))

[https://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of\\_Administrators\\_of\\_British\\_Brunei](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Administrators_of_British_Brunei)

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan\\_Muhammad\\_Jamalul\\_Alam\\_II\\_\(10](https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Muhammad_Jamalul_Alam_II_(10)

<http://bruneiresources.blogspot.com/2016/10/british-royal-visits-to-brunei.html?m=1>